

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HKT 121/NSK 013 Teori dan Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Di dalam kerangka pembinaan teori sastera, unsur-unsur teori sastera perlu dibincangkan dengan mendalam. Berdasar pandangan tradisionalis seperti Muhammad Hj. Salleh dan pascamodenis seperti Roland Barthes bincangkan unsur-unsur berikut:
 - [i] pengarang.
 - [ii] teks.
 - [iii] pembaca.
2. Merujuk kepada pendekatan fenomenologikal yang dikemukakan oleh Wolfgang Iser, jelaskan proses membaca teks sastera berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - [i] jalinan ayat-ayat yang bertujuan.
 - [ii] proses pengkonkritan (pentafsiran).
 - [iii] proses bacaan inovatif (*gestalt*).
 - [iv] objek estetik.
3. Huraikan peranan teori linguistik moden di dalam strukturalisme. Merujuk kepada novella “Igauan” di dalam Igauan dan Cerita-Cerita Lain, jelaskan cara bacaan strukturalisme.

.../2

4. Jelaskan perhubungan di antara wacana kolonial dan pasca-kolonial di dalam Kesusasteraan Pasca-Kolonial. Merujuk kepada novel Putera Gunung Tahan, bincangkan serangan yang dikenakan ke atas wacana kolonial.
5. Jelaskan hubungan fiksyen dan sejarah di dalam pemikiran pascamoden seperti yang diperlihatkan di dalam metafiksyen historiografik.
6. Bincangkan pendekatan intertekstual *gestalt* dan aplikasinya kepada novel Desa Salji dan novella “Penari dari Izu” oleh Yasunari Kawabata.
7. Tindakan Sethe di dalam novel Beloved membunuh anak perempuannya Beloved dapat dilihat sebagai satu manifestasi kebangkitan suara wanita menentang kezaliman sistem perhambaan di Amerika. Bincangkan.

--oo000oo--